

'Bangsa yang tidak ikut peredaran zaman akan hapus'

Masa kerja sambil lewa berlalu — Dr M

BANGI, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan seluruh rakyat bahawa masa membuat kerja 'sambil lewa' telah berlalu. Rakyat kini mesti menumpukan sepenuh masa dan usaha untuk meningkatkan daya pengeluaran.

Perdana Menteri menegaskan, setiap usaha yang dilaksanakan sekarang hendaklah berasaskan kepada peredaran zaman di samping menggunakan segala sumber kekayaan yang ada di negara ini.

Ketika berucap melancarkan Kempen Kesedaran Rancangan Pembangunan Industri Kampung dan Karyaneka, di Univerisiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hari ini, beliau berkata, masa telah bertukar dan setiap yang masih tidak menukar cara hidup mengikut zaman, bangsanya akan lenyap di dunia.

Menjelajah

Tegas Perdana Menteri, sejarah telah membuktikan bahawa ada bangsa yang hilang dari muka bumi ini kerana tidak mahu menukar cara hidup mereka mengikut aliran baru.

"Kita tidak boleh hidup seperti dahulu. Cara hidup kita mesti diubah supaya sesuai dengan keadaan sekarang," tambahnya.

"Ketika di sekolah dulu, saya ada membaca buku-buku yang berbunyi 'zaman dulu berkereta lembu, zaman sekarang berkereta lereng'. Itu menggambarkan keadaan ketika itu tetapi di zaman ini manusia telah dapat menjelajah angkasa dan mengambil gambar ber-



Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diringi oleh Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sarawi Junid (kiri) menuju ke pentas di perasmian Kempen Kesedaran Rancangan Pembangunan Industri Kampung dan Karyaneka, di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam. — Gambar Berita Harian.

bagai-bagai planet," katanya. Mengenal rancangan pembangunan industri kampung, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dalam keadaan sekarang setiap usaha tidak lagi boleh dibuat 'sambil bersembang' atau di masa-masa lapang sahaja.

"Setiap perusahaan yang kita jalankan hendaklah dengan tertib dan pengurusan yang dilaksanakan dengan teratur mengambil kira

mutu, pesanan yang dibuat, saiz yang sama setiap barang-barang, bekalan yang banyak dan tetap supaya dapat menarik pemasaran," ujarnya.

Kalanya, pekerja-pekerja hendaklah menjalankan tugas mereka mengikut waktu yang ditetapkan.

Di Malaysia, banyak sumber kekayaan yang mudah diperolehi atas buminya tetapi sekiranya ia tidak digunakan sepenuhnya, orang lain

yang akan menikmati kekayaan dari sumber yang ada.

"Kita tidak lagi mahu melihat pengusaha industri kampung mengeluarkan dua atau tiga barang kerjatangganya dalam tempoh beberapa bulan tetapi apa yang mesti dikeluarkan ialah angka yang besar, berpuluh-puluh ribu bilangan," jelas Datuk Seri Dr Mahathir.

"Kita mahu pemasaran tidak lagi terbatas hanya di kampung-kampung atau bandar-bandar berdekatan tetapi hendaklah diluaskan ke luar negeri," tambahnya.

Dalam hujungan ini, Perdana Menteri menegaskan perlunya tugas 'orang tengah' untuk membantu pemasaran seperti ini.

Pengusaha-pengusaha tidak seharusnya iri hati terhadap keuntungan yang diperolehi oleh 'orang tengah' itu asal mereka sendiri mendapat keuntungan 100 peratus.

Swasta
mungkin
dibenar
kendali
radio
dan tv

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan mungkin membenarkan sektor swasta mengendalikan stesen radio dan televisyen sebagai memenuhi langkah ke arah memindaan milik beberapa urusannya kepada sektor swasta, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ada kemungkinan langkah itu dilaksanakan jika stesen-stesen itu memberikan perkhidmatan yang tidak beranggah dengan dasar-dasar kerajaan.

Sebagai contoh, katanya, Redifusion dimiliki oleh syarikat swasta tetapi berita-berita yang disiarkan oleh stesen itu disalurkan dari RTM.

Ditanya sama ada RTM akan dijadikan sebuah perbadanan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, langkah itu tidak akan memenuhi langkah meminda milik urusan kerajaan kepada swasta.

"Menjadikan RTM sebagai sebuah perbadanan bererti ia masih lagi dimiliki oleh kerajaan selepas perbadanan perbadanan dimiliki oleh kerajaan.

"Kebanyakan perbadanan tidak menguntungkan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas berucap di kursus penerangan kepada pegawai-pegawai Umno di ibu pejabat Umno, di sini petang ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia